



جباٰن کهٰکیم شرعيۃ مالیسیا

JABATAN KEHAKIMAN SYARIAH MALAYSIA (JKSM)

Ruj. Tuan :
Ruj. Kami : JKSM/100-24/5
Takwim : 5 Zulkaedah 1421
Tarikh : 29 Januari 2001

Y.A.A. Ketua-Ketua Hakim Syarie,
Mahkamah-mahkamah Syariah Negeri-negeri

Arahan Amalan No. 2 Tahun 2001

Had Masa Sebutan dan Perbicaraan

Saya ingin menarik perhatian Y.A.A. kepada keputusan Mesyuarat Arahan Amalan Mahkamah Syariah seluruh Malaysia Bil.2/2000 pada 9-11 Oktober 2000 di Melaka dan keputusan Mesyuarat Ketua-ketua Hakim Syarie kali ke 17 di Labuan 27 Oktober 2000 bersamaan dengan 26 Rejab 1421 telah bersetuju dan mengesahkan untuk menerima pakai arahan berhubung Had Masa Sebutan dan Perbicaraan Kes. Sebutan satu-satu kes hendaklah dibuat dalam tempoh 21 hari selepas kes difailkan dan tempoh penyelesaian kes adalah 30 hari dengan syarat segala kehendak kes dipatuhi dan prosiding kes berjalan lancar. Arahan ini adalah berkuatkuasa serta merta.

(Dato' Sheikh Ghazali Bin Hj. Ab. Rahman)

Ketua Pengarah/Ketua Hakim Syarie

Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia.

Kuala Lumpur

2 Januari 2001